



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
KHAMIS 5 MAC 2020**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1.	WARGA KOREA CUBA BAWA MASUK 20 KILOGRAM PRODUK BERASASKAN BABI, MAHKAMAH & JENAYAH, SH -15	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
2.	MAQIS KELANTAN RAMPAS SOSEJ DIRAGUI HALAL, WILAYAH, BH -40	

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/3/2020	SINAR HARIAN	MAHKAMAH & JENAYAH	15

## Warga Korea cuba bawa masuk 20 kilogram produk berasaskan babi

**SEPANG** - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) dengan kerjasama Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) merampas 20 kilogram produk berasaskan daging babi yang cuba dibawa masuk seorang warganegara Korea melalui pintu masuk Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA2) di sini pagi semalam.

Pengarah Maqis Selangor, Dr Tarmisal Alimin berkata, dalam pemeriksaan jam 4 pagi itu, produk berkenaan dikesan cuba disembunyikan di dalam sebuah begasi dengan tiada sebarang permit import yang dikeluarkan oleh Maqis serta sijil kesihatan daripada negara pengeluar.

Menurutnya, siasatan mendapati produk berkenaan adalah untuk kegunaan sendiri.

“Kesemua produk daging babi tersebut akan dihantar ke makmal kesi-



Pegawal Maqis menunjukkan produk berasaskan babi yang dirampas di KLIA2 awal pagi semalam.

hatan veterinar bagi tujuan persampelan untuk mengenal pasti penyakit demam babi Afrika,” katanya menerusi satu kenyataan semalam.

Beliau berkata, perbuatan mengimport apa-apa jenis tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah atau mikroorganisma tanpa permit import yang sah daripada Maqis menjadi suatu kesalahan.

Menurutnya, tindakan diambil di bawah Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728] yang boleh dihukum di bawah Seksyen 11(3) akta yang sama. Jika disabit kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau di penjara selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau keduanya sekali.

## MAQIS Kelantan rampas sosej diragui halal

**Tumpat:** Permintaan tinggi sosej di negeri ini menyebabkan produk makanan yang diragui status halalnya, tetap dibawa masuk dari Thailand.

Pengarah Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) Kelantan, Mohd Azam Yahya, berkata dalam kes terbaru, pihaknya merampas 50 bungkus sosej dibawa masuk melalui pangkalan, dalam satu operasi, Isnin lalu.

Katanya, rampasan dilakukan sepasukan anggota dari Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah Tiga Pengkalan Kubor yang menjumpai barangan itu dalam sebuah bot di pengkalan haram Haji Rashid, di pinggir Sungai Golok.

"Pemeriksaan mendapati, 50 bungkus plastik pelbagai jenis sosej dianggarkan bernilai RM500 cuba dibawa masuk dari Thailand tanpa permit import daripada MAQIS. Semua sosej ini dipercayai dijual dan diedarkan kepada peniaga tempatan kerana permintaan yang tinggi di sini.

"Kami meminta agar orang ramai lebih peka dalam memilih makanan seperti sosej ini supaya tidak terdedah dengan risiko kesihatan dan status halal diragui serta larangan dikeluarkan kerajaan terhadap pengimport daging babi dikhuatiri terdedah dengan penyakit African Swine Fever (ASF)," katanya dalam kenyataan media, di sini, semalam.

Dalam perkembangan lain, tiga lembu dianggarkan bernilai RM8,000 yang tiada permit import dirampas ketika cuba dibawa masuk ke negara ini dari Thailand.

Mohd Azam berkata, rampasan oleh Pasukan Gerakan Am Battalion 9 pada jam 4.30 petang semalam, di Kampung Mentua, di sini.